

**Kemahiran Guru Pelatih Empat SPH Dalam Pengajaran Amali Di Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor**

Zainudin Bin Abu Bakar & Huszaifah Mohd Husnan  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak : Seorang guru yang berkualiti boleh menguasai serta merealisasikan segala kemahiran, pengetahuan dan kepakaran yang ada pada diri sendiri sebagai alat meningkatkan keberkesanan pengajaran amali di dalam bengkel. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti kemahiran guru pelatih 4SPH dalam pengajaran amali di Fakulti Pendidikan, UTM. Kajian deskriptif telah digunakan untuk mengenal pasti empat pembolehubah iaitu kemahiran melakukan kerja amali, pengurusan bengkel, kemahiran mengajar dan juga mengendalikan alat bantu mengajar. Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik yang mempunyai 40 item. Sampel kajian yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 97 orang guru-guru pelatih 4SPH. Datadata yang diperolehi diproses dengan menggunakan SPSS (*Statistical Package For Social Sciences*) *Versi 11.5 For Windows*. Hasil analisis dinyatakan dalam bentuk statistik kekerapan, peratus dan nilai min. Dapatan kajian menunjukkan guru pelatih 4SPH mempunyai kemahiran yang tinggi dalam melakukan kerja amali, pengurusan bengkel, kemahiran mengajar dan juga mengendalikan alat bantu mengajar. Ini membawa maksud guru pelatih mempunyai kemahiran yang tinggi dalam melaksanakan pengajaran amali. Bagi tujuan kajian lanjutan pada masa akan datang penyelidik mencadangkan kajian permasalahan yang dihadapi oleh bakal guru untuk mengajar subjek Kemahiran Hidup di sekolah terutamanya yang melibatkan kerja amali di bengkel.

*Katakunci* : kemahiran guru pelatih, pengajaran amali, fakulti pendidikan,

**Pengenalan.**

Pendidikan merupakan kunci kepada usaha membangunkan masyarakat dan negara. Masyarakat yang terdidik secara menyeluruh dan seimbang yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara adalah produk daripada pendidikan berkualiti yang selaras dengan keperluan negara dan kehendak semasa (Mohamed Nor, 1990). Proses untuk melahirkan masyarakat yang terdidik ini perlu dimulakan seawal mungkin yang boleh. Guru memainkan peranan yang penting untuk mendidik pelajar dalam melahirkan seorang insan atau generasi yang berketrampilan, mahir, berkebolehan, inovasi, kreatif, bertanggungjawab serta bermoral tinggi.

Sejajar dengan matlamat negara untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020, sistem pendidikan negara perlu memainkan peranan yang penting bagi merealisasikan hasrat tersebut supaya dapat melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir dan separuh mahir. Kurikulum pendidikan Kemahiran Hidup pula diubahsuai supaya mampu menyediakan rakyat yang cenderung ke arah kemahiran dan vokasional. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (1989), matapelajaran ini dirancang untuk meningkatkan daya pengeluaran negara melalui penglibatan masyarakat secara produktif, inovatif dan kreatif serta pembentukan pelbagai jenis tenaga kerja yang mengenali dan memahami teknologi dan ekonomi sejajar dengan dasar dan keperluan negara.

Sebagai seorang guru yang professional mereka hendaklah sentiasa menambahkan pengetahuan dan kemahiran pengajarannya. Berhubung dengan guru pelatih Kemahiran Hidup, aspek pengurusan bengkel, kemahiran menggunakan alat tangan dan mesin adalah amat penting.

Ini kerana mata pelajaran Kemahiran Hidup merupakan satu cabang pendidikan teknik dan kejuruteraan, yang mementingkan kerjakerja amali yang merangkumi bidang kemahiran teknologi pada peringkat asas. Selain itu, penggunaan alat bantu mengajar di dalam bengkel perlu dipraktikkan untuk meningkatkan minat dan proses pemahaman pelajar.

### **Pernyataan Masalah**

Kemahiran guru merupakan asas yang penting untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat di laksanakan dengan berkesan. Oleh yang demikian, satu kajian perlu dijalankan untuk mengkaji kemahiran guru pelatih 4SPH dalam pengajaran amali di Fakulti Pendidikan, UTM Skudai dari aspek kemahiran melakukan kerja amali, pengurusan bengkel, pengetahuan pedagogi dan juga pengendalian alat bantu mengajar.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji kemahiran guru pelatih 4SPH Fakulti Pendidikan, UTM Skudai dari aspek berikut:

1. Mengetahui kemahiran guru pelatih 4SPH dalam melakukan kerja amali.
2. Mengetahui kemahiran guru pelatih 4SPH dalam pengurusan bengkel.
3. Mengetahui kemahiran guru pelatih 4SPH mengajar berdasarkan pengetahuan pedagogi dalam pengajaran amali.
4. Mengetahui kemahiran guru pelatih 4SPH dalam mengendalikan alat bantu mengajar dalam pengajaran amali.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji tahap kemahiran guru pelatih 4SPH di bengkel Kemahiran Hidup. Kajian ini juga diharapkan dapat member manfaat berguna dan panduan kepada pihak-pihak berkenaan untuk mengatasi kelemahan dan kekurangan dalam sesebuah organisasi. Antara pihak yang boleh mengambil manfaat daripada hasil kajian ini termasuklah:

Hasil kajian dapat memberi maklumat kepada pihak JPTK terhadap tahap kemahiran sedia ada pada guru pelatih dan ini sangat penting dalam perancangan menghasilkan tenaga pengajar yang berkualiti. Pihak JPTK juga dapat merangka isi pelajaran berkaitan amali yang lebih efektif untuk digunakan dalam tempoh jangka masa panjang dalam usaha merancang, menilai dan mengemaskini tahap kemahiran yang ada pada guru pelatih.

Data yang diperolehi daripada hasil kajian menunjukkan keberkesanan kurikulum bagi guru pelatih aliran perdana SPH. Dengan itu, tindakan susulan dapat dilaksanakan untuk mengemaskini semula sukatan pelajaran yang dirancang untuk guru pelatih aliran ini.

Kajian yang dibuat dapat memberi panduan kepada guru pelatih 4SPH untuk melengkapkan diri dengan segala ilmu pengetahuan dan juga kemahiran yang tinggi untuk menjadi seorang guru yang berkualiti dan juga berkesan. Oleh itu, guru-guru pelatih boleh memperbaiki kelemahan dan seterusnya mempertingkatkan lagi kemahiran pengajaran amali, strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan seterusnya menjadi seorang guru yang lebih kreatif dalam mengendalikan alat bantu mengajar.

### **Batasan Kajian**

Menurut Najib (1999) kita mungkin menyelesaikan semua masalah tetapi terhad dari segi usaha, masa, tenaga, dan wang. Oleh itu, kajian penyelidikan ini akan dijalankan terhad kepada

lokasi, sampel dan tajuk yang telah ditetapkan. Penyelidikan ini akan dilaksanakan di kalangan guru-guru pelatih tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup (4SPH) di Universiti Teknologi Malaysia. Tumpuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji kemahiran guru pelatih 4SPH dalam pengajaran amali di bengkel.

### **Rekabentuk Kajian.**

Rekabentuk sesuatu kajian adalah teknik dan kaedah tertentu yang digunakan untuk memperoleh maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Kajian ini menggunakan pendekatan diskriptif. Tujuan menggunakan pendekatan diskriptif dalam kajian ini ialah untuk mencari maklumat-maklumat dengan terperinci dengan menjawab pelbagai aras soalan. Menurut Best dan Kahn (1998) kajian deskriptif dapat menerangkan dan menjelaskan perkara yang sebenar, keadaan atau perhubungan dan juga pendapat pada proses yang berlaku.

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat utama bagi mengumpul data secara kuantitatif. Soal selidik juga digunakan kerana soal selidik membolehkan sampel lebih rela memberikan maklumbalas yang benar, bebas dan mengurangkan kesilapan yang diakibatkan oleh catatan penyelidik yang salah (Burns, 2000). Tunkmen (1988), menyatakan soal selidik juga merupakan satu instrumen yang kerap digunakan dalam kajian deskriptif menerusi kaedah ini, kerjasama daripada responden senang diperolehi.

### **Tempat Kajian.**

Lokasi kajian yang dipilih ialah Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Lokasi ini dipilih kerana amat sesuai dengan tajuk kajian yang dijalankan dan hanya mewakili guru pelatih tahun 4 kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) di UTM, Skudai sahaja.

### **Sampel Kajian.**

Populasi sasaran bagi kajian ini adalah guru-guru pelatih tahun 4 kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) Fakulti Pendidikan UTM, Skudai, Johor. Jumlah keseluruhan populasi ini adalah seramai 130 orang. Menurut Morgan (1992), sekiranya bilangan populasi adalah seramai 130 orang maka bilangan minimum sampel yang diambil ialah 97 orang. Dengan itu, jumlah sampel yang diperlukan dalam kajian ini ialah seramai 97 orang. Menurut Fraenkel dan Wallen (1996), pemilihan sampel adalah satu aspek yang penting dalam membuat penyelidikan. Sehubungan itu, pemilihan sampel yang dibuat hendaklah menepati ciri-ciri populasi kajian agar dapatan kajian dapat digeneralisasikan. Kaedah persampelan yang digunakan di dalam kajian ini adalah pensampelan rawak mudah.

**Jadual 1 : Jumlah responden untuk kajian**

<b>Responden</b>	<b>Jumlah populasi</b>	<b>Jumlah responden</b>
Guru pelatih 4SPH	130	97
<b>Jumlah keseluruhan</b>	130	97

### **Instrumen Kajian.**

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Menurut Mohd Majid Konting (1990), penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh sampel kerana ia tidak dipengaruhi oleh gerak laku

penyelidik. Item-item soal selidik ini merupakan sebahagian daripada item-item soal selidik kajian yang telah dilakukan oleh Ng Choon Lan (2006) yang telah diubahsuai mengikut keperluan soalan kajian.

Set soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A yang mengandungi item-item soal selidik yang merangkumi soalan berkaitan demografi responden dan Bahagian B pula terdiri daripada item-item berkaitan dengan persoalan kajian yang ingin dicapai. Huraian kandungan bagi setiap bahagian adalah seperti berikut:

**Bahagian A: Latar Belakang Responden :** Dalam bahagian A maklumat yang diperlukan adalah berkaitan dengan biodata responden seperti jantina, kumpulan etnik, kelulusan tertinggi, keputusan CPA tertinggi di Universiti. Responden dikehendaki memberikan maklumat berkaitan diri mereka dengan menandakan ( / ) pada ruang jawapan yang disediakan.

**Bahagian B : Item Soal Selidik Kajian :** Bahagian ini digunakan untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan objektif kajian yang telah dinyatakan iaitu berkenaan dengan tahap kemahiran guru pelatih 4SPH Fakulti Pendidikan, UTM Skudai. Terdapat 36 soalan dalam bahagian B dan dibahagikan kepada empat bahagian mengikut persoalan kajian yang ingin dikaji

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis dijalankan untuk mengesan masalah-masalah yang mungkin timbul apabila kaji selidik sebenar dilakukan. Selain itu, ia juga dilakukan agar item-item di dalam soal selidik mudah difahami dan tidak menimbulkan keraguan. Soalan yang sukar difahami diperbaiki supaya objektif soalan tercapai bagi tujuan kajian. Kajian rintis juga dijalankan bagi mendapatkan nilai alpha cronbach untuk melihat tahap kebolehpercayaan item soal selidik tersebut.

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang guru pelatih 4SPH. Nilai kebolehpercayaan, alpha Cronbach yang diperolehi adalah 0.88. Menurut George dan Mallery (1995), nilai alpha melebihi 0.7 menunjukkan bahawa instrument kajian boleh diterima pakai dan tidak perlu diperbaiki

### **Analisis Data**

#### **Apakah tahap kemahiran guru pelatih 4 SPH dalam melakukan kerja amali?**

Hasil analisis mendapati bahawa secara keseluruhannya item-item di dalam kemahiran melakukan kerja amali menunjukkan nilai min yang tinggi. Hasil analisis bagi kemahiran melakukan kerja amali menunjukkan bahawa nilai min yang tertinggi adalah 4.39 iaitu pada Item 3 dengan peratusan yang tertinggi iaitu 100% responden bersetuju sentiasa menegaskan aspek keselamatan kepada pelajar sebelum menjalankan kerja amali di bengkel

Daripada keseluruhan item di dalam kemahiran guru pelatih 4SPH dalam melakukan kerja amali, item yang mempunyai dapatan yang paling rendah adalah Item 9 dengan peratus bersetuju dengan pernyataan boleh melakukan kerja membaik pulih peralatan semasa pengajaran amali seramai 55 orang (56.7%) responden. Responden yang tidak pasti pula seramai 23 orang (23.7%) dan tidak bersetuju akan pernyataan tersebut seramai 19 orang (19.6%) responden.

#### **Apakah tahap kemahiran guru pelatih 4SPH dalam pengurusan bengkel?**

Analisis kajian ini adalah mengenai kemahiran pengurusan bengkel. Item ke-17 iaitu sentiasa memastikan setiap pelajar mendapat bahan kerja yang mencukupi bagi setiap kali amali dijalankan. Mendapati kebanyakan responden memberi maklum balas bersetuju dengan item ini iaitu seramai 94 orang (96.9%) responden. Seramai 2 orang (2.1%) responden pula memberi

maklum balas tidak setuju terhadap item tersebut. Selebihnya iaitu seramai 1 orang (1.0%) responden pula memberi maklum balas tidak bersetuju terhadap item tersebut. Min bagi item ini adalah 4.25 iaitu berada pada tahap tinggi.

Secara keseluruhannya mendapati bahawa nilai min purata bagi kemahiran guru pelatih 4SPH dalam pengurusan bengkel pada tahap tinggi iaitu 4.05. Ini menunjukkan bahawa guru pelatih 4SPH mempunyai kemahiran yang tinggi dalam pengurusan bengkel bagi memastikan pengajaran amali dapat dijalankan dengan lancar.

### **Apakah tahap kemahiran guru pelatih 4SPH dalam mengajar berdasarkan pengetahuan pedagogi dalam pengajaran amali?**

Analisis kajian ini adalah mengenai kemahiran pengurusan bengkel. Item ke-26 iaitu mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk menarik perhatian pelajar, mendapati kesemua responden bersetuju akan pernyataan ini iaitu seramai 97 orang (100%) responden. Min bagi item ini adalah 4.36 iaitu berada pada tahap tertinggi.

Secara keseluruhannya mendapati bahawa nilai min purata bagi kemahiran guru pelatih 4SPH dalam kemahiran mengajar berdasarkan pengetahuan pedagogi berada pada tahap tinggi iaitu 4.25. Ini menunjukkan bahawa guru pelatih 4SPH mempunyai kemahiran yang tinggi dalam mengajar berdasarkan pengetahuan pedagogi dalam pengajaran amali.

### **Apakah tahap kemahiran guru pelatih 4SPH dalam mengendalikan alat bantu mengajar dalam pengajaran amali?**

Analisis kajian ini adalah mengenai kemahiran dalam pengendalian alat bantu mengajar. Item ke-40 iaitu Penggunaan ABM dapat menjimatkan masa pegajaran, berbanding penerangan secara lisan, mendapati kebanyakan responden memberi maklum balas bersetuju dengan item ini iaitu seramai 95orang (97.9%) responden. Seramai 2 orang (2.1%) responden pula memberi maklum balas tidak pastu terhadap item tersebut. Min bagi item ini adalah 4.47 iaitu min yang paling tinggi dalam soalan kajian ini.

Secara keseluruhannya mendapati bahawa nilai min purata bagi mengendalikan alat bantu mengajar dalam pengajaran amali pada tahap tinggi iaitu 4.28. Ini menunjukkan bahawa guru pelatih 4SPH mempunyai kemahiran yang tinggi dalam mengendalikan alat bantu mengajar dalam pengajaran amali.

### **Analisis perbandingan nilai min bagi pembolehubah kajian.**

Berdasarkan kepada keseluruhan analisis data dan keputusan kajian yang telah diperolehi mengikut persoalan kajian dirumuskan seperti Jadual 2 di bawah.

**Jadual 2 : Analisis Perbandingan Nilai Min bagi pembolehubah Kajian.**

No.	Pembolehubah	Min	Tahap Penilaian
1.	Kerja Amali	3.96	Sederhana
2.	Pengurusan Bengkel	4.05	Tinggi
3.	Kemahiran mengajar	4.25	Tinggi
4.	Mengendalikan ABM	4.28	Tinggi
<b>Purata Keseluruhan</b>		<b>4.13</b>	<b>Tinggi</b>

Merujuk kepada Jadual 2 di atas menunjukkan analisis keseluruhan peratusan dan min responden yang menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan yang tertinggi mengendalikan ABM iaitu 4.28 diikuti Kemahiran mengajar 4.25, pengurusan bengkel 4.05. Manakala min yang terendah pula adalah kemahiran kerja amali iaitu 3.96. Purata min keseluruhan semua aspek yang dikaji ialah 4.13 dan berada pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan guru pelatih 4SPH lebih berkemahiran dalam mengendalikan alat bantu mengajar dalam pengajaran amali.

## **Perbincangan**

### **Taburan Maklumat Peribadi Responden**

Hasil kajian menunjukkan bahawa jumlah keseluruhan responden ialah seramai 97 orang guru pelatih 4SPH. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa responden perempuan adalah lebih ramai iaitu 61 orang berbanding responden lelaki yang hanya seramai 36 orang. Situasi ini mungkin kerana lebih ramai guru pelatih perempuan daripada lelaki yang menceburi bidang pendidikan ini.

Dari segi bangsa pula, keputusan kajian menunjukkan bahawa bilangan responden yang berbangsa melayu seramai 77 orang responden. Manakala seramai 8 orang responden bagi bangsa Cina dan juga Lain-lain. Bangsa India pula seramai 4 orang responden. Ini mungkin disebabkan oleh kuota kemasukan dalam bidang pendidikan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Hasil keputusan kajian turut menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden mempunyai pencapaian akademik yang baik iaitu seramai 23 orang responden memperolehi Purata Himpunan Nilai Mata (CGPA) 3.50–4.00 ke atas dan seramai 73 orang responden memiliki CPA 3.00–3.49 ke atas. Manakala bagi keputusan CPA 2.50–2.99 pula hanya seorang responden. Ini menunjukkan bahawa pihak universiti mengambil berat mengenai faktor latar belakang kecemerlangan seseorang yang akan menceburi bidang perguruan ini.

### **Tahap kemahiran guru pelatih 4 SPH dalam melakukan kerja amali.**

Berdasarkan dapatan yang diperolehi didapati bahawa secara keseluruhannya responden mempunyai kemahiran yang tinggi dalam melakukan kerja amali dengan purata min keseluruhannya adalah 3.96. Daripada dapatan kajian didapati bahawa guru pelatih 4SPH mempunyai kemahiran yang tinggi dalam memberi tunjuk cara kepada pelajar sebelum menjalankan kerja amali. Dapatan ini berbeza dengan dapatan kajian Mohd bin Ali (1996) yang menunjukkan sebanyak 73.1% guru Kemahiran Hidup mempunyai masalah dari segi kemahiran teknikal terutamanya semasa membuat demonstrasi di hadapan pelajar. Ini menunjukkan bahawa guru-guru pelatih 4SPH mampu menjalankan demonstrasi kepada pelajar agar pengajaran amali dapat dijalankan secara berkesan.

Dapatan kajian juga menunjukkan responden mempunyai keyakinan yang tinggi ketika melakukan kerja-kerja amali. Dapatan kajian ini bersesuaian dengan Ramlah (1992) yang menyatakan bahawa seorang guru yang kurang yakin dan tidak terdedah dengan kemahiran teknikal, mereka akan menggunakan kedah perbincangan untuk menjelaskan kerja amali tanpa membuat demonstrasi. Akibatnya pelajar-pelajar hanya faham secara teori sahaja, manakala kemahiran praktikal belum dapat dipelajari dengan baik. Kemahiran dalam melakukan kerja amali perlu dimiliki oleh setiap guru yang mengajar Kemahiran Hidup. Kenyataan ini disokong dalam kajian Mohd Bakri (1994) yang menunjukkan bahawa kekurangan kemahiran guru

Kemahiran Hidup boleh menjejaskan pengajaran dan mengurangkan keyakinan pelajar terhadap gurunya.

Responden juga mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menggunakan setiap peralatan semasa pengajaran amali dijalankan. Kemahiran menggunakan peralatan perlu dimiliki oleh setiap guru Kemahiran Hidup kerana pengajaran amali yang dijalankan banyak menggunakan peralatan-peralatan dan juga mesin. Menurut kajian Abdul Ghani (1991), guru pelatih mempunyai penguasaan kemahiran yang baik untuk melakukan kerja-kerja amali. Kecekapan dan kemahiran boleh dibina jika guru selalu berlatih atau mencubanya terlebih dahulu sebelum melakukan demonstrasi kepada pelajar. Farrant (1981), juga menegaskan bahawa kemahiran menggunakan peralatan dan mesin penting bagi mengelakkan kemalangan daripada berlaku.

Pada pandangan penyelidik, pengajaran matapelajaran Kemahiran hidup meliputi teori dan amali. Pengajaran secara amali haruslah dilaksanakan dengan kaedah tunjuk cara untuk melaksanakan sesuatu tugas yang baik. Seorang guru hendaklah menunjukkan cara yang betul dalam sesuatu kemahiran. Gagal menguasai kemahiran atau tidak mencukupi akan menjejaskan matlamat dan objektif pengajaran amali dijalankan.

### **Tahap kemahiran guru pelatih 4SPH dalam pengurusan bengkel**

Melalui hasil dapatan yang diperolehi telah menunjukkan secara keseluruhannya responden mempunyai kemahiran yang tinggi dalam pengurusan bengkel dengan skor keseluruhannya 4.05. Kemahiran dalam pengurusan bengkel ini adalah penting kerana ianya akan mempengaruhi aktiviti amali yang akan dijalankan di dalamnya. Menurut Yahya Abdul Hamid (1989), pengurusan bengkel yang sistematik sangat penting untuk mencapai keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup. Pengurusan bengkel Kemahiran Hidup amat perlu diberikan keutamaan kerana aktiviti-aktiviti pengurusan boleh mempengaruhi hasil dan kepuasan kerja kepada program dan pengguna.

Selain itu, responden juga di dapati mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menyediakan peti pertolongan cemas yang sentiasa diselenggara di dalam bengkel Kemahiran Hidup. Peti pertolongan cemas adalah salah satu perkara yang penting perlu ada dalam sebuah bengkel. Ini adalah disebabkan aktiviti amali yang dijalankan melibatkan aktiviti fizikal dan juga penggunaan peralatan yang mungkin akan mendatangkan kemudaratan kepada pelajar itu sendiri. Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (1992), menyarankan agar pihak pentadbir campur tangan dalam hal-hal keselamatan makmal iaitu dengan memastikan bekalan keselamatan mencukupi dan berkediaan boleh berfungsi serta sentiasa dikemaskini.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai kemahiran yang sederhana dalam melakukan pembaikan semua peralatan tangan dan mesin yang terdapat di dalam bengkel Kemahiran Hidup. Kelemahan dalam menguasai pengendalian dan penyenggaraan mesin akan mengundang bahaya apabila melakukan kerja-kerja yang melibatkan penggunaan mesin. Ini adalah kerana amat penting pengetahuan dan kemahiran dalam menguasai ilmu pengendalian mesin ini bagi melindungi keselamatan diri dan mengelakkan kemalangan. Menurut Mohd. Nasir (1987), kemalangan tidak dapat dielakkan, tetapi penyenggaraan yang rapi dapat mengurangkan tahap kemungkinan berlakunya kemalangan di dalam sesebuah bengkel.

### **Tahap kemahiran guru pelatih 4SPH dalam mengajar berdasarkan pengetahuan pedagogi dalam pengajaran amali**

Melalui dapatan yang diperolehi telah menunjukkan secara keseluruhannya responden mempunyai pengetahuan pedagogi yang tinggi dalam kemahiran mengajar di dalam bengkel

dengan skor keseluruhannya 4.25. hasil analisis data bagi persoalan kajian ini secara keseluruhan menunjukkan bahawa responden mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam pengajarannya. Menurut Abdul Rahim M. Ali (2001), semua pengajaran haruslah meliputi aktiviti perancangan, pelaksanaan dan penilaian yang baik supaya pengajaran yang dilaksanakan dapat berjalan dengan berkesan dan dengan penuh persediaan. Kamarudin (1989), pula menyatakan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran biasanya melibatkan tiga bahagian penting, iaitu perancangan, penyampaian dan penilaian.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menterjemahkan kandungan pelajaran kepada suatu bentuk yang lebih mudah difahami oleh pelajar. Ini menunjukkan bahawa responden dapat menyusun pengajaran dengan baik kerana akan mempengaruhi tahap kefahaman pelajar dan juga meningkatkan lagi motivasi mereka untuk belajar. Perkara ini disokong oleh kajian Ku Zamil (1999) yang menunjukkan terdapat 89.2% guru Kemahiran Hidup boleh menterjemahkan kandungan pelajaran kepada bentuk yang mudah difahami. Pembelajaran yang disusun daripada yang paling mudah kepada kompleks menyebabkan pelajar menguasai isi pelajaran dengan mudah.

Kejayaan guru mempelbagaikan strategi pengajaran memberikan satu gambaran bahawa guru dapat merangsang minat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran itu dan seterusnya dapat memantapkan lagi keyakinan diri pelajar terhadap guru dan mata pelajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai kemahiran yang tinggi dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk menarik perhatian pelajar. Dapatan ini bersesuaian dengan kajian Kyasudeen (1989) yang menunjukkan guru pelatih mempunyai penguasaan kemahiran mengajar yang tinggi untuk menyampaikan sesuatu isi pelajaran dengan berkesan. Guru pelatih juga mahir memilih kaedah bersesuaian dengan perkembangan pelajar-pelajar. Pemilihan kaedah yang sesuai dapat meningkatkan mutu penyampaian, malahan ia akan menjadikan suatu pelajaran itu lebih bermakna serta menyeronokkan murid.

Guru merupakan penyinar ilmu kepada pelajarnya tanpa guru yang mempunyai kemahiran mengajar yang baik akan memberi kesan akan perkembangan pelajar. Lantaran itu, guru perlu dibekalkan dengan kemahiran supaya dapat menjadi penyampai ilmu yang berkesan dan mampu memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan kebolehan dan minat pelajar. Kejayaan seorang pelajar dalam sesuatu matapelajaran bergantung kepada kemahiran yang dimiliki oleh guru itu sendiri. Oleh yang demikian guru hendaklah sentiasa merancang, melaksanakan dan menilai pengajaran mereka supaya dapat mempertingkatkan lagi kemahiran mengajar mereka.

### **Tahap kemahiran guru pelatih 4SPH dalam mengendalikan alat bantu mengajar dalam pengajaran amali**

Melalui dapatan kajian yang diperolehi telah menunjukkan secara keseluruhannya responden mempunyai kemahiran yang tinggi dalam mengendalikan alat bantu mengajar dalam pengajaran amali. dengan skor keseluruhannya 4.28. Perkara ini bersesuaian dengan kajian Muhamad Sobri (2000) seramai 71.2% responden bersetuju bahawa penggunaan ABM dalam proses pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan bagi meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Ini menunjukkan bahawa penggunaan ABM dalam proses pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran amali di dalam bengkel Kemahiran Hidup kerana terdapat banyak faedah yang akan diperolehi dengan penggunaan ABM.



Responden juga bersetuju bahawa penggunaan ABM dapat menjimatkan masa pengajaran berbanding lisan. Ini bertepatan dengan kajian Adzman (2003), seramai 72.7% responden bersetuju kawalan kelas menjadi lebih mudah dengan penggunaan ABM. Manakala seramai 86.8% bersetuju penggunaan ABM dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat membantu pengajaran guru menjadi lebih mudah dan cepat. Penggunaan ABM dapat mempermudah sesuatu yang kompleks dan panjang untuk diterangkan kepada pelajar dengan lebih cepat dan senang.

Seterusnya responden mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menggunakan ABM yang sesuai untuk membantu memudahkan pemahaman pelajar. Menurut Noraziah (1981) merupakan alat atau bahan yang digunakan untuk tujuan menambahkan kelancaran perhubungan antara guru dengan pelajar dan sebaliknya pelajar sesama pelajar. Ia dapat membantu mempercepatkan proses pemahaman mereka. Sharifah Alwiyah (1986), menyatakan bahawa ABM dapat menimbulkan ransangan pelajar untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang sesuatu yang hendak dipelajarinya dan menjadikan proses pengajaran lebih berkesan.

### **Rujukan**

- Atan Long (1978). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Atan Long (1980). *Pedagogi: Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Baker (1982). *School for Advanced Studies*. Bristol: University of Bristol.
- Best & Kahn (1998). *Research in Education*. 8<sup>th</sup> Edition. Manchester: Allyn & Bacon.
- Chan Kwang Chow (2002). *Kemahiran Mengajar Kemahiran Manipulatif Tambahan (KMT) dalam Kemahiran Hidup Bersepadu di Kalangan Guru-Guru Wanita di Sekolah Menengah Melaka*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Ee Ah Meng (1989). *Pedagogi Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng (1993). *Pedagogi Satu Pendekatan Bersepadu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Farrant, J.S. (1981). *Prinsip Dan Amali Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Gagne R. M. (1970). *The Condition of Learning*. 2<sup>nd</sup> Edition. New York: Holt Rinehart and Winston Incorporation.
- Kyasudeen Abdul Majid (1989). *Ke Arah Mempertingkatkan Pengajaran Mikro dibentangkan di Bengkel Maklum Balas Latihan Mengajar*. Fakulti Sains: Universiti Teknologi Malaysia.
- Lee Shok Mee (1989). *Kursus Perguruan Alam dan Manusia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Lee Pau Wing (1993). *Guru dan Profession Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Morphet, D. E., R. I. Dan Reller, T. L. (1982). *Educational Organization and Administration*. New Jersey: Engle Wood Cliffs.
- Muhamad Sobri Bin Hussin (2000). *Kajian Terhadap Kepentingan Penggunaan Alat Bantu Mengajar Di Sekolah Menengah Teknik*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Ng Choon Lan (2006). *Persepsi Pelajar Perdana SPH (UTM) terhadap Persediaan Mengajar KHB di Sekolah Menengah*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Nicholas, C. W. dan Gorman, C. V. (1977). *The Heart of Instruction: Classroom and Laboratory Management*. Ohio: Department of Education Division of Vocational.
- Pusat Perkembangan Kurikulum.Kementerian Pendidikan Malaysia (1992). *Huraian Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Tingkatan III* . Kuala Lumpur : Pusat Perkembangan Kurikulum.

- Suhaimi Abdul Hamid (1995). *Penyenggaraan Bengkel Kemahiran Hidup Bersepadu (Kemahiran Manipulatif ) di Sekolah Menengah Daerah Gombak*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda
- Tunkmen, W.B (1988). *Conducting Education Reasearch*. New York: Harcout Jovanovick.
- Wan Mohd Zahid Bin Wan Moh Noordin (1993). *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai Publishing Sdn. Bhd.
- Yahya Abd. Hamid (1989). *Pengurusan Workshop*. Petaling Jaya: IBS Buku